

Malin Kundang dan Dunia Kini

UMAR JUNUS

ABSTRAK

Rencana ini memperkatakan kehidupan cerita Malin Kundang dalam konteks budaya Minangkabau. Mereka yang melihat hidupnya dari perspektif tradisional akan mengutuknya kerana enggan menerima ibunya, semata-mata kerana dia berbeza daripada yang dibayangkannya. Sementara orang lain akan cuba merombak cerita itu. Navis, misalnya, telah merombaknya dan memberinya suatu judul yang baru: Malin Kundang: His Mother is a Condemned Mother. Akibatnya, cerita Malin Kundang kehilangan maksudnya sebagai legenda. Namun demikian, ini menunjukkan kedinamikan yang diwarisi dalam kehidupan dan kebudayaan orang Minangkabau. Di sebaliknya, pembaca Malaysia lebih cenderung menerima kisah lama dalam perspektif tradisional.

Kata kunci: Sastera Minang, Sastera Melayu, Malin Kundang, Nakhoda Tenggara

ABSTRACT

This article explores the life of Malin Kundang in the context of the Minangkabau culture. Reader who views his life from the traditional perspective condemn him for refusing to accept his mother just because she is different from what he imagines her to be. Others however, attempt to deconstruct the story. Navis, for instance, deconstructs and gives it a new title, ie Malin Kundang: His Mother Is a Condemned Mother. Consequently, the Malin Kundang story loses its original intent as a legend. Nonetheless, this shows the dynamism inherent in the life and culture of the Minangkabau people. Malaysian readers on the other hand, tend to accept stories in the traditional perspective.

Keywords: Minang literature, Malay literature, Malin Kundang, Nakhoda Tenggara

PENGENALAN

Memandangkan *Malin Kundang* (selanjutnya disingkatkan sebagai MK) dianggap sebagai cerita rakyat, pembicaraan ini akan dimulakan dengan

penyataan pemahaman saya tentang cerita rakyat. Ada dua catatan saya tentangnya. Pertama, cerita rakyat *MK* dikatakan sudah terjadi pada masa lampau yang jauh, *ahistoric*, tetapi masih diceritakan sehingga kini. Oleh sebab itu, mahu tidak mahu ada campur tangan daripada dunia kini di dalamnya. Untuk sesuai dengan dunia kini, James Finn Garner mendekonstruksikan beberapa dongeng dalam *Politically Correct Bedtime Stories* (1994), *Once Upon a More Enlightened Time* (1995) dan *Politically Correct Holiday Stories* (1995). Ini dilakukan juga David Fisher dalam *Legally Correct Fairy Tales* (1996) dan Cathy Grimmins dan Tom Maeder dalam *Newt Gingrich's Bedtime Stories For Orphans* (1995), kerana suatu yang terasa sebagai penceritaan biasa tanpa jelas maksud dekonstruksinya. Oleh sebab tidak ada *politically correct*, dekonstruksi itu didorong rasa ingin memberikannya suatu dasar ilmu agar orang yakin akan kebenaran ceritanya.

Sehubungan itu, A. Samad Ahmad (1970) mengatakan kapal Tenggang menjadi batu sesudah zaman ais, sedangkan Malin Kundang tidak memerlukannya kerana batu itu terletak di pantai. Tetapi, cerita Nakoda Bincit memang memerlukannya kerana batunya terletak jauh di pedalaman Minang. Hanya pada masa ini, sesudah zaman ais, kapal boleh berlabuh di Batu Caves yang kini terletak jauh dari laut. Samad menggunakan pengetahuan kini dalam menceritakan kembali cerita itu. Sebabnya ialah ini mungkin tidak ada pada pencerita lain, lagipun bentuk cerita yang ada pada pencerita lain mungkin berbeza, sesuai dengan perspektif pemikiran pencerita masing-masing. Ini bermakna bahawa cerita rakyat akan mengambil bentuk yang tertentu bila diceritakan untuk tujuan yang tertentu. Dalam konteks ini, bila diceritakan untuk tujuan didaktik, penceritaan Malin Kundang kepada ibunya diberi penekanan dengan Malin Kundang dikatakan tidak mahu mengenal dan mengakui perempuan tua renta itu ibunya, kerana malu beribukannya. Kadang-kadang dikatakan perkara ini juga dilakukan kerana malu kepada isterinya, atau tidak sengaja pulang ke kampung. Ia hanya kebetulan singgah, atau terdampar untuk mendapat bekalan. Oleh kerana cerita *MK* yang biasa kita kenal itu adalah untuk tujuan didaktik, ini dianggap cerita biasa *MK*, atau semacam cerita baku. Namun, *MK* dan juga cerita rakyat yang lain tidak lepas daripada campur tangan pencerita atau pengarang. Ini bererti selalu adanya campur tangan dunia kini terhadap penceritaan cerita rakyat yang dikatakan terjadi pada masa lampau yang jauh.

Akibatnya, cerita rakyat tidak monolitik, tidak bebas perubahan. Ia berubah tergantung siapa penceritanya. Nakoda Bincit – senasib Malin Kundang tetapi di pedalaman Minang – muncul lain pada cerita yang diceritakan Ny. Limbak Tuah (*Cerita-cerita Puti Rubiah* (?)) – Puti Rubiah dalam cerita Minang sama dengan Nenek Kebayan dalam cerita Melayu). Bincit adalah anak orang kaya dan telah belayar untuk berniaga. Ini membezakannya daripada Malin Kundang dan sekaligus mendekonstruksi cerita *MK* yang mengatakan Malin Kundang berasal dari keluarga miskin dan merantau untuk memperbaiki nasibnya. Bincit lupa ibunya, walhal baharu beberapa bulan belayar. Tetapi, ketika ia pulang,

ibunya tiba-tiba berubah menjadi sangat tua dan miskin kerana hartanya habis terbakar. Oleh kerana itu, Bincit gagal mengenalnya. Selain itu, ia tidak mahu mengakui ibu tua itu ibunya bila ibu tua itu mengatakan dialah ibunya. Dengan ini ditolak Limbak Tuah anggapan orang tentang Bincit yang sengaja tidak mahu mengakui ibu tua itu ibunya kerana malu beribukan perempuan miskin yang tua. Cerita Bincit Limbak Tuah menjadi lain kerana ia memberikan rasional mengapa Bincit sampai lupakan ibunya. Bincit sebenarnya tidak menderhaka. Perubahan ini, seperti perubahan yang dilakukan Garner, adalah hakikat pertama cerita rakyat yang juga telah memaksa kita untuk melihatnya sebagai suatu yang hidup. Ia tidak monolitik, tetapi selalu berubah.

Kedua, cerita rakyat berceritakan suatu yang konkrit. Sehubungan itu, ada kaitan antara Tenggang dengan Batu Caves, dan juga antara batu di pantai Air Manis Padang dengan Malin Kundang. Saya percaya kehadiran batu itu memungkinkan adanya cerita *MK* dan bukan yang sebaliknya. Ini bermakna bukan cerita itu sudah ada sebelum orang menemukan batu itu. Dalam hal ini, perhatikan catatan John Noble Wilford (2000): ... Ms. Mayor draws on a close study of classical texts to show that some of the more impressive and mysterious fossils were used as evidence supporting existing myths or creating new ones. Orang mengarang cerita tentang batu kerana bentuknya yang unik. Dalam menceritakan mengapa batu itu terbentuk, ia tidak lupa melengkapi cerita dengan nama tokoh. Di Padang, ia menjadi Malin Kundang. Di pedalaman Minang, ia menjadi Nakodo Bincik atau Kudo Bincik, kerana batu itu merupai kuda. Oleh kerana cerita rakyat adalah tentang suatu, maka yang konkrit hanya apa yang diceritakan. Ia mungkin batu, dan mungkin juga nama tempat atau gelar yang dilekatkan kepada orang. Kerajaan Melaka, misalnya, adalah entiti yang konkrit. Paling tidak, ada tiga cerita tentangnya: *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah* dan *Zaman Gerhana*. Buku yang terakhir ini adalah edisi baru *Sejarah Melayu* daripada A. Samad Ahmad (1976) yang lebih menekankan kegerhanaan zaman itu. Bila dikaitkan dengan peristiwa kejatuhan Melaka ke tangan Portugis, ia boleh ditambah informasi dari sumber Portugis. Antara lain, dilaporkan Dharmono Hardjowidjono (1989) tentang *Kisah Runtuhnya Malaka* pada tahun 1511 menurut sumber-sumber Portugis. Sesuai dengan berbagai versi *Sejarah Melayu*, tidak ada yang boleh dianggap salah, atau kesalahan penyalinan yang biasa dalam filologi. Kehadiran berbagai versi suatu cerita ada kaitan dengan pengerjaan *kini* cerita itu.

CAMPUR TANGAN KINI DALAM CERITA MASA SILAM

Kebelakangan ini orang heboh tentang drama *Copenhagen* oleh Michael Frayn (2000), yang menurut interpretasi Frayn, pertemuan Bohr dan Heisenberg pada 1941 boleh dikaitkan dengan kemungkinan Nazi membuat bom atom. Drama ini mendapat pelbagai reaksi di *The New York Times Book Review* dan *The New*

York Review of Book pada awal 2000, atau *Slate* di internet. Oleh itu, adalah menarik untuk dicatatkan judul artikel yang membicarakan drama Frayn itu dalam *The New York Times* keluaran 2 Januari 2000: *Of Physics, Friendship and Nazi Germany's Atomic Bomb Efforts*. Kesemua itu menunjukkan sekali lagi adanya campur tangan kini dalam cerita masa silam padahal peristiwanya sudah terjadi kurang 60 tahun dahulu. Begitulah maksudnya cerita tidak konkrit, tetapi selalu berubah. Oleh kerana yang konkrit itu tidak mungkin diubah, maka hanya cerita yang tidak konkrit itu diubah orang. Orang mengubah cerita, kerana wacana adalah ciptaan manusia. Hasilnya terdapat berbagai wacana tentang sesuatu. Sehubungan itu, kekejaman Nazi ke atas Yahudi kini lebih merupakan dunia kata dan memang sesuai dengan judul buku Sidra de Koven Ezrahi (1980): *By Word Alone: The Holocaust In Literature*, atau *A House of Words: Jewish Writing Identity and Memory* oleh Norman Ravvin (1997).

Rumusannya ialah setiap cerita akan berubah, tidak kira yang dicetak atau dituliskan, apalagi cerita rakyat yang hidup dalam dunia lisan. Oleh itu, ada sahaja perubahan pada cerita rakyat yang diterbitkan Grimm. Perubahan itu memberi kehidupan kepada cerita rakyat. Demikian juga ia memberi kehidupan kepada *Kaba Cindua Mato* yang boleh dianggap cerita rakyat juga, meskipun selama ini orang lebih banyak dan suka membicarakan naskahnya. Oleh sebab ia juga dirakam dari dunia lisan, lahirlah berbagai versi *kaba* ini. Ada yang panjang yang hanya ditemui dalam bentuk manuskrip di Leiden. Ada tambahan pada versi ini yang tidak ada pada versi yang biasa kita kenal. Saya telah membicarakannya dalam rencana yang berjudul *Kaba: An Unfinished (His-)story* (1994) Sekali lagi *Kaba Cindua Mato* sebagai cerita rakyat juga tidak monolitik. Dalam hal ini perlu dicatat adanya tradisi *basimalin* – membaca cerita Malin (Demam) di daerah Harau, suatu desa dekat Payakumbuh, Sumatra Barat. Orang ramai bergilir-gilir membaca naskah *Kaba Malin Demam* seperti yang dilaporkan Suryadi (1998).

Berdasarkan apa yang dibincangkan itu, ternyata cerita rakyat memang tidak monolitik, apatah lagi bila dihidupkan kembali dalam dunia kini. Ini menyebabkan Garner mendekonstruksi dongeng yang diceritakannya kembali, disesuaikan dengan perspektif masa kini, yang *politically correct*, antara lain, feminisme. Ini juga berlaku bila orang masa kini menceritakan kembali atau menyentuh cerita *MK* dengan melihat dan memahaminya sesuai dengan perspektif masa kini yang juga menguasai dirinya. Hal ini akan saya telusuri selanjutnya. Sebelum itu ingin dinyatakan bahawa adanya *Bedtime Stories for Lovers* (1996) telah juga menyebabkan cerita-cerita sebelum tidur bukan lagi hanya milik anak-anak, malahan lebih menjadi milik pasangan kekasih, mengantarkan mereka ‘tidur enak’ dengan pasangannya.

BAGAIMANA CERITA *MK* DIPERLAKUKAN MASA KINI

Tumpuan pembicaraan selanjutnya ialah bagaimana cerita *MK* diperlakukan masa kini. Dari ketiga-tiga cerita yang dianggap sama: *MK*, *Nakhoda Tenggara* dan *Nakoda Bincit*, perhatian orang ramai lebih tertarik kepada *MK*, terutama di Indonesia. Kecenderungan ini boleh dikatakan tidak ada atau kurang di Malaysia. Orang ramai di Indonesia lebih banyak membicarakan *MK* kerana ia dikenali ramai orang di Indonesia. Sebaliknya, khalayak di Indonesia boleh dikatakan tidak mengenal *Nakhoda Tenggara*. Mungkin hanya orang yang tahu tradisi lisan Minang yang mengenal *Nakoda Bincit*. Oleh kerana itu, cerita *Bincit* boleh dikatakan tenggelam dalam kepopularan *MK*. Ini mungkin juga disebabkan batu *Nakodo* atau *Kudo Bincit* berada jauh di pedalaman, hingga kurang masuk akal berbanding batu *Malin Kundang* di pinggir laut. Tidaklah mungkin ada kapal besar akan sampai jauh ke pedalaman Minang. Oleh itu, *Nakodo Bincit* bertukar menjadi *Kudo Bincit* di beberapa tempat di Sumatra Barat. Setahu saya, hanya Muhammad Haji Salleh yang membawa *Tenggara* ke dunia kini di Malaysia. Muhammad membuka *Buku Perjalanan Si Tenggara II* (1975) dengan *Pulang Si Tenggara* yang juga merupakan judul bahagian pertama antologi sajak itu. Judul bahagian yang lain ialah *Penemuan* dan *Nokturno*.

Sekiranya Goenawan Mohamad mengaku dirinya *Malin Kundang* (1972), maka Muhammad mengaku dirinya *Tenggara*. Ia *Tenggara II*, sesuai dengan judul antologi *Buku Perjalanan si Tenggara II*. *Tenggara* baginya, seorang pengembara, pulang ke kampungnya membawa kekayaan dalam *Pulang Si Tenggara*, sajak awal antologi, setelah mengembara ke manca negara. Sementara itu, kisah pengembaraan itu diceritakan dalam puisi lainnya dalam antologi ini. Pengembaraan ini menyedarkan Muhammad tentang kelainan dirinya, kerana ada jurang antara dia dengan orang kampung. Ini dapat dilihat pada singkatan cerita puisi itu yang saya petik di bawah ini:

Muhammad mengakui adanya pemindahan dirinya ke dunia yang dikuasai mata dan akal, yang diperolehnya di luar. Dunia luar mengajarnya melihat, berfikir dan memilih di antara kenyataan yang selalu berubah. Ia pernah memarahi ibu atau neneknya tapi ini terjadi kerana mereka tidak pernah mencoba memahaminya. Walau bagaimanapun ia tetap kerana ia *masih melayu*. Dan ia pulang sebagai seorang yang sudah lain dari orang kampungnya. Ia telah diubah oleh perjalanan ke negeri luar. Ia telah belajar jadi kurang ajar. Namun ia tak menganggap diri manusia baru. Ia tetap ia – *aku adalah aku*. Tapi ia telah dibebaskan dari kebiasaan kampung. Ini terlihat pada bait akhir sajak itu:

aku adalah kau
yang dibebaskan dari kampung,
tanah dan kebiasaan,
merdeka, kerana aku
telah menemui diri.

Dengan mengakui diri *Tenggara II*, Muhammad tidak ikut mengutuk *Tenggara*; tetapi meletakkannya pada proporsi tertentu. Dengan itu, *Tenggara*

II dalam sajak Muhammad itu berbeza dari Tenggang dalam cerita Samad (1970). Tenggang I tidak sengaja pulang. Ia terdampar ke kampung kerana paksaan alam. Tenggang II sengaja pulang membawa harta. Ia tahu orang yang mengutuknya kerana tidak memahaminya, malahan tidak tahu ia masih orang Melayu. Ia kelihatan lain kerana perkenalannya dengan dunia luar. Ini diungkapkan pada bait akhir sajak itu. Ini terbukti dalam riwayat hidup Muhammad. Harta yang dibawanya dari luar memungkinkannya menyusun *Sajak-sajak Sejarah Melayu* (1981), suatu pengerjaan kreatif *Sejarah Melayu* sehingga *Sejarah Melayu* tampil lain daripada yang ada pada fikiran orang ramai selama ini. Ini ditambah dengan kegiatan ilmiahnya untuk menemukan poetika sastera Melayu.

Saya tidak menemui pengarang lain yang melihat Tenggang sebagai suatu pemikiran. Fenomena Muhammad fenomena yang tersendiri. Kerana itu, saya tidak banyak bicara tentang Tenggang. Saya juga abaikan *Nakodo Bincit* kerana hanya ada dalam satu cerita, meskipun pada cerita itu ada perlawanan terhadap pemahaman umum tentang Malin Kundang. Dengan mengubah ceritanya, Limbak Tuah telah membebaskan cerita Bincit dari ikatan didaktik. Hasilnya, Bincit tampil dengan wajah lain dari Malin Kundang yang biasa ditemui pada cerita *MK*. Limbak Tuah sampai ke moral cerita ini hanya kerana ia tidak percaya seorang anak boleh lupakan ibunya. Oleh itu, mesti ada sesuatu yang menyebabkannya lupa ibunya. Sebab itu telah diberi Limbak Tuah dalam ceritanya yang sekaligus mempersoalkan anggapan orang yang mencap Malin Kundang atau Bincit sebagai anak derhaka. Dengan itu, ia didapati telah juga membebaskan cerita itu dari ikatan didaktik. Ia adalah juga pembebasan cerita rakyat dari bacaan kanak-kanak, yang menyebabkan cerita rakyat tidak pernah dilihat serius, tidak dianggap suatu pemikiran. Walaupun ini merupakan suatu pandangan budaya, tetapi tidak ditampilkan sebagai 'esei budaya' seperti yang telah mencirikan puisi Muhammad (1975). Sebagai esei budaya yang utuh, ia pertama kali diucapkan Goenawan (1972), sekalipun mungkin terbit terkemudian dari kumpulan cerita susunan Limbak Tuah. Kemungkinan itu disebabkan ketika mengerjakan rencana ini, saya tidak menemui kumpulan cerita itu, maka tidak diketahui tarikh penerbitannya. Namun, kedua-dua buah cerita itu memberi dua arah perlakuan terhadap cerita senada *MK* walaupun Bincit pada Limbak Tuah tampil berbeza daripada anggapan khalayak selama ini tentangnya dan juga Malin Kundang Limbak Tuah mendekonstruksi ceritanya. Sebaliknya, Muhammad dan Goenawan tidak menolak hakikat Malin Kundang yang derhaka. Hanya mereka tidak malu dicap Malin Kundang. Bagi mereka ini adalah fenomena budaya mereka, terutamanya pada Goenawan. Sebelum membincangkan Goenawan dengan lebih lanjut, saya dapati perlu memberikan beberapa catatan.

Sebelum terbitnya esei Goenawan itu, saya mengikatkan Malin Kundang kepada budaya Minang. Tetapi, Goenawan telah membebaskannya dari ikatan itu. Itu paling tidak adalah tanggapan saya. Ia sudah menjadi milik nasional atau milik sejagat. Melihatnya sebagai pemikiran dan fenomena budaya, Goenawan

telah juga membebaskan cerita itu dari ikatan didaktik. Ini juga bermakna cerita itu selanjutnya telah juga dibebaskan Goenawan dari dunia bacaan kanak-kanak. Dengan esei Goenawan itu juga bukan sahaja kita telah kehilangan rasa segan dicap Malin Kundang tetapi juga berbangga menjadi Malin Kundang.

Bagi Goenawan, dia dan penyair Indonesia adalah Malin Kundang. Kepenyairan memaksa mereka keluar dari budaya nenek moyang – Jawa, Minang, Sunda dan lain-lain dan menjadikan budaya Indonesia budaya mereka. Ini ditambah fenomena lain, yang berlaku pada akhir 1950an dan awal 1960an. Ada pihak menghendaki penyair mengabdikan diri untuk ‘rakyat’. Tetapi, Goenawan dan banyak penyair Indonesia yang lain tidak terhimbau oleh ajakan ini. Mereka rela dikutuk sama halnya dengan orang mengutuk Malin Kundang. Oleh sebab itu, Goenawan membuka esei – judulnya adalah juga judul antologi esainya – dengan catatan berikut:

Malin Kundang telah terkutuk dan tak seorangpun mencoba memahaminya. Perahunya kandas di depan pantai dan dalam legenda disebutkan, bahwa pemuda durhaka itu kemudian menjadi batu. Ibunya telah mengucapkan kutuk atas dirinya. Perempuan tua yang miskin itu kecewa dan sakit hati: anak tunggalnya tak mau mengenalnya lagi, ketika ia singgah sebentar di desa kela-hirannya sebagai seorang kaya setelah mengembara bertahun-tahun. Dan kisah turun-temurun inipun berkata, bahwa dewa-dewa telah memihak sang ibu. Ini berarti semua soal berakhir dengan beres: bagaimanapun setiap pendurhaka harus celaka. Tak seorangpun patut memaafkan si Malin Kundang. Kita tak pernah merasa perlu memahami perasaan-perasaannya. (9)

Saya rasa kutipan tersebut itu tidak memerlukan komentar lebih lanjut. Yang menarik ialah penyifatan ibu Malin Kundang sebagai perempuan tua yang miskin. Ini adalah anggapannya tentang budaya tradisional, meskipun ia diucapkannya melalui sebuah cerita rakyat yang juga tradisional, paling kurang dianggap yang berasal dari dunia itu. Budaya tradisional tidak memberi ruang kepada mereka untuk bergerak. Yang memihak sang ibu adalah dewa-dewa, bukan Tuhan, yang boleh diinterpretasikan dengan lebih lanjut.

Esei Goenawan ditandai usaha memahami Malin Kundang. Fenomena budaya Indonesia membuatnya rela menjadi Malin Kundang. Goenawan tidak merombak cerita itu, tetapi menggunakan cerita sebagai alasan mengapa ia rela menjadi Malin Kundang. Ini bermakna cerita asal tetaplah utuh. Tafsiran ini juga ditemui pada sajak ‘Batu’ oleh Sapardi Djoko Damono dari luar Minang dan sudah disiarkan dalam *Hujan Bulan Juni* (1994). Fenomena itu boleh dilihat pada bahagian /1/ sajak ini:

Aku pun akhirnya berubah
menjadi batu. Kau pahatkan,
“Di sini istirahat dengan tenteram
sebongkah batu,
yang pernah berlayar ke negeri-
negeri jauh, berlabuh di bandar-

bandar besar, dan dikenal
 di delapan penjuru angin,
 akhirnya ia pilih
 kutukan, ia pilih
 ketenteraman itu.
 Di sini.”

Tetapi kenapa kaupahat juga
 dan tidak kaubiarkan saja
 aku sendiri, sepenuhnya?

Menurut Sapardi, Malin Kundang memilih dikutuk menjadi batu yang berupa suatu ketenteraman. Tetapi, ia menyesal mengapa orang lain masih memahat namanya dan tetap mengutuknya, paling tidak dalam cerita itu. Mengapa dia tidak dibiarkan diam membatu. Sapardi memindahkan fokus dari Malin Kundang kepada batu Malin Kundang, dari Sisifus ke batu Sisifus. Ini dinyatakannya pada bagian /2/ sajak itu. Batu itu tidak ingin dirungsingkan lagi dengan (cerita) manusia. Sapardi lebih bergerak dengan fikiran daripada dengan manusia. Tetapi, bagi Muhammad, Tenggara budayanya. Tetapi, tidaklah begitu halnya MK bagi Goenawan dan Sapardi. Oleh sebab MK milik budaya lain, maka memungkinkan Goenawan mengaku diri Malin Kundang tanpa merasai beban budaya. Hal ini lain kepada orang Minang. Tradisi merantau menyebabkan MK menjadi beban budaya kepada mereka. Mereka adalah calon Malin Kundang. Oleh kerana itu, selain mengakui adanya Malin Kundang yang menjadi batu, mereka juga tidak lupa menyatakan mereka bukan Malin Kundang. Mereka lain dari Malin Kundang. Kesemua ini ditemui dalam puisi Syahril Latif (1978) dan drama Wisran Hadi (1978) yang akan saya bicarakan seterusnya.

MEDEKONSTRUKSI CERITA MK

Domba Yang Pulang Menjadi Batu oleh Syahril (1978) adalah cerita tentang seorang pemuda Minang. Dia memasuki Teluk Bayur – Air Manis yang terletak di sebalik bukit – dan disapa Malin Kundang yang mengatakan dia juga anak derhaka. Tetapi, Malin Kundang kecewa, bila pemuda itu menjawab dia bukan anak derhaka. Dia mengasihi ibunya, meskipun ini dia ucapkan sambil menangis, kerana teringat telah bertahun-tahun dia meninggalkan ibunya yang tua renta dan miskin. Dalam matanya bermain peristiwa Malin Kundang menjadi batu setelah dipanah kilat dengan tiba-tiba tanpa ibunya mengucapkan kutukannya. Sebaliknya, ibunya berdoa meminta Malin Kundang menjadi manusia semula. Namun, Malin Kundang tetap menjadi batu. Dengan itu, cerita ibu dalam sajak itu lebih baik berbanding dengan cerita MK yang lain. Ibu dalam kebanyakan cerita MK ‘jahat’, sampai hati mengutuk anaknya.

Syahril telah juga mendekonstruksi cerita *MK*. Citra ibunya lebih baik daripada dalam cerita *MK* yang biasa dikenali. Walaupun Malin Kundang tetap derhaka, tetapi dia menjadi batu bukanlah kerana dikutuk ibunya. Ibunya mengasihinya Malin Kundang sehinggakan dia mendoakan kepada Tuhan untuk memanusikan Malin Kundang semula. Ternyata Syahril tidak ingin menjadi Malin Kundang yang dihukum Tuhan kerana menderhakai ibunya. Namun, mitos Malin Kundang tetap utuh. Hal itu agak berbeza dalam drama Wisran Hadi (1978). Meskipun Malin Kundang salah satu wataknya, namun rujukan terhadapnya dalam hubungan penderhakaan kepada ibu hanya ada pada beberapa bahagian. Di halaman 576 Lelaki, bapa Malin Kundang, berkata kepada Ibu II, ibu Malin Kundang, tentang kemungkinan Malin Kundang menderhakai ibunya dan orang akan menyalahkan Malin Kundang kerana sebagai anak, posisinya lemah di depan ibunya. Di halaman 603-5 diceritakan kepulangan Malin Kundang untuk mencari ibunya. Tetapi, ibunya hairan kerana anaknya telah dikutuknya untuk menjadi batu. Oleh sebab itu, dia menjadi ragu-ragu sama ada yang dikutuknya itu anaknya, Malin Kundang, atau anaknya yang turun ke kapal bersama isterinya, lantas dilihat mata tuanya sebagai lakinya yang menggandeng isteri muda, lalu dia mengutuk kerana kecewa. Oleh itu, ibu tua itu hairan bila Malin Kundang mencarinya dan mengenalnya. Malin Kundang berkata tidak mungkin anak melupakan ibu dan kasih ibu. Bila ibu bertanya siapa yang datang ke pelabuhan, maka Malin Kundang berkata “pelabuhan tempat berhenti sesaat buat para pelaut”. Yang dikutuk ibunya hanya impiannya atau bayangan kekecewaan masa lalu. Batu itu adalah kaki bukit berbatu cadas dan juga penahan gelombang laut yang keras. Bila ibu berkata: “Kalau kau tak datang anakku, tentu kau akan tetap dianggap anak durhaka”, Malin Kundang menjawab “Memang sulit mencegah kebodohan”.

Cerita Wisran itu bersilang siur. Di halaman 576, disarankan Malin Kundang akan derhaka kepada ibunya, tetapi ini ditolak di halaman 603-5. Yang dikutuk ibu Malin Kundang bukan Malin Kundang, tetapi bapa Malin Kundang yang turun ke kapal menggandeng isteri mudanya. Mata perempuan tua itu tidak dapat membezakan antara anaknya, Malin Kundang dan suaminya. Ini ditambah dengan catatan lain di halaman 603-5: anak tidak mungkin melupakan ibunya kerana ibu mengasihinya. Yang dikutuk ibu hanya impian dan kekecewaan masa lalu ibunya. Batu yang dikatakan batu Malin Kundang itu adalah batu cadas penahan gelombang keras dan bukan Malin Kundang. Lantas ini ditutup Wisran dengan mengatakan: “Memang sulit mencegah kebodohan”. Dengan kata lain, hanya orang bodoh akan percaya batu cadas itu Malin Kundang yang membatu. Dengan cerita itu, Wisran mendekonstruksi cerita *MK* yang berakhirkkan Malin Kundang menjadi batu. Dekonstruksi Wisran itu lebih kompleks dari Syahril kerana Wisran mengajak khalayak agar tidak mempercayai batu Malin Kundang adalah pematuan Malin Kundang, tetapi batu cadas yang biasa. Selain itu, Wisran juga mengajak khalayak berfikir tentang cerita *MK* justeru ada dekonstruksi lain yang dilakukannya. Malin Kundang dalam drama ini sebapa dengan Malin Deman (=MD) dan Puti Bungsu (=PB), dan bapa itu adalah Lelaki. Oleh kerana bapa MD

dalam cerita MD yang biasa adalah Malin Dewa, maka Malin Dewa adalah juga bapa Malin Kundang dan PB. Oleh kerana PB adalah wanita yang terakhir dan juga isteri Malin Kundang yang kaya, tetapi melahirkan Malin Duano, anak MD, pemancing yang miskin. Kisah PB diperisteri Malin Duano telah saya perkatakan dalam *Realitas dan Mitos* dalam *Puti Bungsu* (1979) dan *Mitos dan Komunikasi* (1981). PB adalah pembalikan Lelaki. Sekiranya Lelaki mempunyai tiga orang isteri, Ibu I, Ibu II dan Ibu III, PB pula mempunyai tiga orang 'suami', Malin Kundang, MD dan Malin Duano. Dekonstruksi Wisran itu menyebabkan khalayak mempertanyakan cerita MK. Ini terjadi pada tahun 1985.

Selama lima bulan semasa berada di Padang masa itu, saya bergaul dengan Wisran dan kawan-kawannya. Terkadang-kadang perbualan kami menyimpang ke Malin Kundang, sama ada kerana mungkin cuba mengolokkan kebodohan orang Minang untuk menolak Malin Kundang yang kaya, atau mempertanyakan kemungkinan Malin Kundang hanya membawa *mas Jawa*, bukan (*e*)*mas*. Perkataan *mas* digunakan orang Jawa untuk memanggil seseorang, selain *membatu* perlu difahami secara simbolik. Orang Minang pulang ke kampung dan membatu, sama ada menjadi *kepala batu*, menang sendiri, atau *diam membatu*, tidak menghasilkan apa-apa. Ini seperti sarjana yang kurang kreatif pulang ke kampung: kurang aktif dalam bidang ilmu. Pertemuan informal itu membuat orang ramai melatah. Menurut Wisran, seorang Malin Kundang Cina, Liem Khoon Doang namanya, telah mengupah seorang sasterawan untuk mengarang mitos bertaraf nasional tentang dirinya tanpa informasi dia telah menjadi kaya kerana memiskinkan orang lain. Tetapi, oleh kerana gagal membayar sasterawan itu, dia dikutuk sehingga menjadi batu. Saya teringat hal ini setelah membaca cerpen A. A. Navis *Malin Kundang, Ibunya Durhaka* dalam *Bianglala* (1990). Peristiwa itu telah juga membuat saya melatah, lalu mengarang *Malin Kundang Menantang Mitosnya* dalam *Catatan Malin Kundang* (1989).

Saya bosan dengan orang yang masih lagi mengutuk Malin Kundang dalam lagu yang sepatutnya menghiburkan. Malin Kundang juga akan menyesal dalam kubur. Ia perlu bangkit dari kubur untuk membela diri dan juga menentang mitosnya. Tetapi, oleh kerana dia berasal dari masa lampau yang jauh, tidaklah lagi kita mengerti bahasanya. Demikian juga dia tidak mengerti bahasa orang masa kini, meskipun bahasa itu bahasa Minang. Lalu orang marah-marah kepadanya. Menurut Malin Kundang, ini akan merosakkan tugasnya mencegah orang daripada memarahinya. Kesalahfahaman ini perlu ditegah dengan membeli pemahaman orang. Tetapi Malin Kundang telah lupa yang khalayak kini sudah tidak mempunyai pemahaman lagi setelah pemahaman mereka dibeli. Lalu digalinya (bekas) kuburnya, diambilnya hartanya, *mas* dengan dikerumuni orang yang inginkan *mas*. Tetapi orang ramai itu kecewa kerana *mas* itu *mas* murahan, yang merah atau *abang* dalam bahasa Jawa, lebih-lebih lagi jumlah *mas* Malin Kundang sangat sedikit. Kini ada *mas* berbungkal-bungkal besarnya, selain boleh berjalan dan diperjalankan – catatan: ini adalah *mas Jawa*. Oleh sebab Malin Kundang gagal membeli pemahaman orang, maka salah faham

orang lain itu terus membara. Yang untung segalanya itu terjadi pada zaman teknologi kerana ucapan Malin Kundang yang dicatat itu boleh dibaca lagi setelah Malin Kundang menghilang. Singkatan ceritanya itu adalah seperti yang diperturunkan seterusnya.

Melalui pendengaran dari alam fana, Malin Kundang melihat orang mengedarkan cerita palsu tentangnya. Lalu dia menceritakan fakta: dia sengaja pulang ke kampung kerana mencari ibunya. Tetapi, setelah lama merantau, dia terlupa wajah ibunya. Demikian juga ibu-ibu kampung pun sudah tidak ingat anak mereka kerana sudah lama merantau. Tetapi, kerana anak-anak yang pulang itu amat kaya, ibu-ibu berebut-rebutan mengakui diri ibu Malin Kundang. Tingkah laku itu membingungkan Malin Kundang. Dia merasa perlu ada cara untuk membuktikan siapa ibu kandungnya. Atas usul seorang anak muda yang akan merantau tidak lama lagi, ibu-ibu itu diminta mengucapkan formula pembuktian berikut:

Seandainya yang baru pulang ini, yang sangat kaya ini, dan kekayaannya
Memang sangat saya perlukan, memang adalah anak saya, Oh Yang Maha
Berkuasa, buktikanlah bahawa dia benar-benar anak saya dengan mengubahnya...

Dengan bahagian akhir formula itu mereka rumuskan sendiri. Cara ini baru berhasil setelah seorang ibu melengkapkan formula itu dengan menambah 'jadi batu'. Oleh kerana dia itu mungkin ibu kandung Malin Kundang, Malin Kundang dan hartanya jadi batu. Meskipun gagal mendapatkan harta Malin Kundang sang ibu itu puas. Dia boleh memegahkan diri sebagai ibu yang berhasil melahirkan anak yang berjaya. Menurut Malin Kundang fakta ini telah diputarbalikkan oleh pencerita selama ini, maka, dia menyesali kutukan itu. Andai tidak ada kutukan itu, kekayaan yang dibawanya boleh membebaskan orang Minang dari dilema perantau, cinta kampung tetapi tak mungkin menghuni kampung. Yang paling dibenci Malin Kundang ialah orang menggunakan nama dan ceritanya untuk tujuan komersil. Orang tua yang impoten dan tidak mampu mendidik anak mereka telah menggunakan nama dan cerita itu untuk membuat anak mereka patuh kepada mereka. Dengan berbuat demikian, mereka dapat menghalang anak mereka mempunyai fikiran sendiri.

Saya ikut mendekonstruksi cerita *MK* yang biasa dikenal sebelumnya (1989 & 1994). Saya mengatakan Malin Kundang bukan anak derhaka, tetapi Malin Kundang sengaja pulang untuk mencari ibunya. Tetapi, kelamaan perantauan telah menyebabkannya melupakan wajah ibunya. Disebabkan banyak pemuda kampung itu telah merantau, ibunya juga lupa anaknya. Di sini perlu ada pembuktian ibu kandung Malin Kundang. Dalam proses ini Malin Kundang telah menjadi batu. Yang ada bukan kutukan, tetapi pembuktian. Oleh kerana itu, ibu Malin Kundang merasa bangga biarpun Malin Kundang sudah menjadi batu, kerana dapat dibuktikan dia adalah seorang ibu yang telah melahirkan anak yang berjaya. Sehubungan itu, A.A. Navis ikut menyambung bicara tentang Malin Kundang dengan mengarang *Malin Kundang, Ibunya Durhaka*. Judul

ini mengingatkan saya kepada *Kaba Amai Cilako* ‘Kaba ibu celaka’ oleh Syamsuddin (1961) yang pertama kali terbit pada tahun 1920an. Judulnya jelas merupakan pembalikan pengertian orang selama ini tentang Malin Kundang. Pada cerita yang biasa, Malin Kundang yang derhaka. Ini diterbalikkan Navis. Jawapan kepada soalan mengapa Navis merumuskan sedemikian boleh dibaca pada cerpennya itu.

Menurut Navis, cerita *MK* sangat popular berikutan permintaan orang kampung mahu menghidangkan sandiwara yang segar sehabis lebaran. Ada orang kampung menyusulkan cerita *MK*. Usul itu ditolak kerana didapati songsang, lagipun cerita itu dongeng kanak-kanak, kerana si ibu yang derhaka dan bukannya Malin Kundang. Malin Kundang pulang dari merantau membawa isteri yang cantik. Malin Kundang menceritakan kemegahan kampungnya kepada isterinya sebelum mereka balik, dan tentang ibunya yang mandiri setelah ditinggal mati suaminya. Setelah balik, mereka mendapati kapal yang berlabuh itu tanah tandus. Dengan itu, isterinya merasa kesal dan mengatakan Malin Kundang membohonginya. Dan begitu kapal merapat datang seorang perempuan renta menanti di bawah tangga. Diiringi seorang lelaki dari kejauhan. Malin Kundang tahu perempuan renta itu ibunya. Tetapi, Malin Kundang bertanya siapa lelaki itu. Jawab ibunya, itulah satu-satunya lelaki yang rela menemaninya sampai Malin Kundang datang kerana dijanjikannya akan diberi bagian harta Malin Kundang. Dia lalu meradang dan berkata: ‘Engkau perempuan laknat. Kalau benar kau ibuku, aku kutuk diriku menjadi batu. Biar semua orang tahu, Malin Kundang lahir dari perut yang keliru’. Navis tidak lupa memberikan alasan Malin Kundang yang dikutuk dan bukan sang ibu.

Navis tidak berhenti di situ. Diceritakannya juga reaksi khalayak yang menonton sandiwara itu. Sekiranya khalayak wanita menutup muka dengan selendang untuk menutup malu, tetapi khalayak lelaki perantau pada malam itu akan tidur di surau sampai keesokan pagi dan terus merantau. Mereka merantau lagi sebagai Malin Kundang kini yang mengutuk ibunya sendiri. Dekonstruksi ini yang lebih kurang ajar berbanding dekonstruksi sebelumnya. Navis tentu mempunyai alasannya, seperti pengarang lain, mendekonstruksi cerita *MK* sedemikian. Selain permainan, ia menyebabkan kita memikirkan sesuatu tentang suasana yang mereka lukiskan. Ini tidak mungkin dibicarakan kini, lagipun ia akan menyimpang dari topik perbincangan kini.

MALIN KUNDANG 2000

Dekonstruksi yang terbaru yang saya ketahui ialah *Malin Kundang 2000* oleh Irwansyah Budiarta Putra (2000), yang telah dikarangnya pada 27 Ogos 1999, iaitu empat bulan lebih sebelum kejadian yang diceritakan cerpen tadi. Pantai Air Manis heboh bila batu Malin Kundang hilang dengan tiba-tiba. Meskipun ada berbagai spekulasi tentang kehilangan itu, tetapi tiba-tiba ada seorang mengaku

dirinya Malin Kundang. Dia mengatakan dia tidak mati selama ini dan orang lain sahaja yang mengatakan dia sudah mati, malahan disamakan dengan batu. Dia merasa kecewa setelah dianggap menderhaka. Dia tidak mengakui ibu tua yang menantinya di tangga kapal itu adalah ibunya kerana dia telah lupa wajah ibunya. Ibunya seharusnya tidak mengutuknya, katanya. Dia akan menuntut ibunya di depan Tuhan. Bila dikatakan orang yang ibunya sudah berada di syurga, dia dengan sinis berkata: 'Kerana mengutuk anaknya menjadi batu seseorang masuk sorga?'

Dengan menghidupkan Malin Kundang, *Malin Kundang 2000* telah mendekonstruksi cerita Malin Kundang yang selama ini biasa dikenal orang. Cerita baru itu bukan sahaja ditambah dengan dialog Malin Kundang dengan seorang ibu muda, tetapi juga dilanjutkan oleh Irwansyah dengan Malin Kundang berpindah ke Pulau Pisang Kecil, tidak jauh dari Pantai Air Manis. Dengan biaya sukarela dari pelancong Padang dan Indonesia dia membina sebuah kapal, yang pada lambungnya terukir Rajo Mudo. Selesai salat Jumat di awal tahun 2000, dia dengan lapan orang perkasa belayar meninggalkan Pantai Air Manis. Di sebelah malam itu, bertiup puting beliung hingga orang berdoa 'Semoga kiamat bukan hari ini'. Pada keesokan paginya, sesudah angin tenang, seorang bocah lelaki menemukan pecahan kapal dan mayat Malin Kundang di Pantai Air Manis. Peristiwa itu membuatnya menolak hakikat batu yang dikatakan batu Malin Kundang itu sebagai hasil pematuan Malin Kundang. Malin Kundang tidak menjadi batu, kerana tubuhnya menjadi mayat sebagaimana biasa seorang yang mati.

Selain itu, ada cerita *MK* dekonstruksi lagi. Tidak pasti sama ada Malin Kundang dalam cerita sebelumnya itu kaya kerana dia menjadi menantu orang kaya, atau berkat usaha sendiri. Tetapi *Malin Kundang 2000* yang membangunkan kapal dengan sedekah orang itu adalah pengemis. Citra Malin Kundang di sini sudah berubah dari seorang yang berusaha kepada seorang yang mengemis kebaikan hati orang. Pengemisan kini telah mencirikan *Malin Kundang 2000*. Hal itu menarik untuk dibaca bersama catatan saya (1988) tentang apa yang saya temui dalam *kaba-kaba* dengan cerita baru yang diproduksi dan dijual dalam bentuk kaset. *Kaba-kaba* cetakan awal 1920an dengan setengahnya diulang cetak tahun 1960an itu membawa cerita baru, yang tidak ada dalam *kaba* yang berasal dari masa lampau. *Kaba-kaba* baru itu bercerita tentang kegigihan pemuda Minang mencari harta. Mereka kaya atas usaha sendiri. Ini dihilangkan dalam *kaba-kaba* pada kaset yang diterbitkan dan beredar akhir 1970an dan 1980an. Pemuda gigih itu digantikan dengan pemuda yang lebih mengharap bantuan orang lain. Pemuda yang saya katakan itu mempunyai mentaliti pengemis. Dekonstruksi ini tidak akan saya bincangkan lebih lanjut lagi di sini kerana sudah saya perkarakan dalam rencana saya dahulu (1988).

Pembicaraan tadi memperlihatkan bagaimana cerita *MK* dihidupkan di dunia kini kerana adanya dekonstruksi terhadap sikap orang selama ini terhadap cerita itu. Khalayak biasanya berasa malu untuk mengatakan diri mereka itu Malin

Kundang, tetapi lainlah halnya dengan Goenawan dan Muhammad. Mereka menerima hakikat diri mereka sebagai Malin Kundang. Mereka berbangga dengan *kemalinkundangan* mereka. Dekonstruksi Sapardi lain, kerana dia inginkan orang ramai tidak lagi mengutuk Malin Kundang. Biarlah batu Malin Kundang diam dalam ketenteraman dan kesunyian.

PENUTUP

Orang dari budaya Minang umumnya takut dikatakan Malin Kundang. Hal itu jelas kelihatan pada sajak Syahril. Oleh kerana itu, seorang pemuda enggan mengaku diri Malin Kundang bila dia didekati Malin Kundang begitu dia menjejakkan kaki di Teluk Bayur. Dia mengingat dan mengasihinya. Ini dilanjutkannya dengan dekonstruksi citra ibu yang biasa yang terdapat dalam cerita *MK*. Malin Kundang menjadi batu bukan kerana kutukan ibu, tetapi hukuman Tuhan kerana dia menderhaka kepada ibunya. Hal ini ditemui juga pada Wisran, Umar Junus, Navis dan Irwansyah. Rasa takut mereka dikaitkan dengan Malin Kundang telah mendorong mereka memperolokkan cerita itu. Sehubungan itu, Irwansyah memberikan sifat lain pada *Malin Kundang 2000*, hingga dia kelihatan berbeza dari cerita *MK* orang lain. Yang mereka dekonstruksikan hanya ceritanya. Batunya tetap utuh. Dekonstruksi itu pasti memungkinkan cerita *MK* dapat menghidupi dunia kini. Ia bukan hanya sebahagian daripada masa lampau. Hal ini boleh dilakukan dengan melihatnya daripada berbagai perspektif dan secara kreatif, lantaran dapat mengolah kemungkinan yang disediakan.

Dengan perlakuan cerita *MK* yang dibicarakan tadi, cerita *MK* yang dikatakan berasal dari masa lampau telah menjadi bahagian kehidupan kini. Ia mempunyai tempat dalam kehidupan hari ini. Sikap itu sekaligus mengekalkan kehadirannya. Ia mungkin lebih kepada Cerita Malin Kundang yang tadinya hanya sebahagian budaya Minangkabau yang kini juga merantau ke luar wilayah budaya asalnya. Ini barangkali juga boleh dilakukan terhadap cerita rakyat lain dan ini menunggu pengolahan selanjutnya.

RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. 1970. *Nakhoda Tenggang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 _____ . 1976. *Zaman Gerhana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Crimmins, Cathy & Tom Maeder. 1995. *Newt Gingrich's bedtime stories for orphans*. New York: Dove Books.
 Damono, Sapardi Djoko. 1994. *Hujan bulan Jun*. Jakarta, Grasindo.
 Dharmono Hardjowidjono. 1989. Kisah runtuhnya Melaka (1511) menurut sumber-sumber Portugis. *Humaniora: Buletin Fakultas Sastra, Univisitas Gadjah Mada*, 1: 41-54.
 Ezrahi, Sidra de Koven. 1980. *By word alone, holocaust in literature*. Chicago: University of Chicago Press.

- Fisher, David. 1996. *Legally correct fairy tales, bedtime classics translated into the legalese*. New York: Warner Books.
- Frayn, Michael. 2000. *Copenhagen*. New York: Anchor Books.
- Garner, James Finn. 1994. *Politically correct bedtime stories, modern tales for our life & times*. New York: Macmillan.
- _____. 1995a. *Once upon a more enlightened time, more political correct bedtime storie*. New York: Macmillan.
- _____. 1995b. *Politically correct holiday stories, for an enlightened Yuletide season*. New York: Macmillan.
- Glanz, James. 2000. Of physics, friendship and Nazi Germany's atomic bomb efforts. *The New York Times*, 21 Mac.
- Goenawan Mohamad. 1972. *Potret seorang penyair muda sebagai si Malin Kundang*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Hadi, Wisran. 1978. Puti Bungsu (wanita terakhir). *Budaya Jaya*. 124/5, September/Oktober.
- Limbak Tuah, ny. [tt] *Cerita-cerita Puti Rubiah*. Jakarta: [tp].
- Lloyd, Joan Elizabeth. 1996. *Bedtime stories for lovers*. New York: Warner Books.
- Muhammad Hj. Salleh. 1975. *Perjalanan si Tenggang II*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 1981. *Sajak-sajak Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Navis, A.A. 1990. *Bianglala*. Jakarta: Pustakakaarya Grafikatama.
- Powers, Thomas. 2000. 'The unanswered question', a review of 'Copenhagen', *The New York Review of Books*, Mei.
- Putra, Irwansyah Budiar. 2000. Malin Kundang 2000. *Kompas Minggu*, 20 Februari.
- Radjo Endah, Sjamsuddin St. 1961. *Kaba amai cilako*. Bukittinggi: Indah.
- Ravvin, Norman. 1997. *A house words: Jewish writing, idenity and memory*. Montreal: McGill-Queen's University Press.
- Shulevitz, Judith. 2000. The Copenhagen interpretation *Slate* June.
- Suryadi, 1998. Naskah tradisi basimalin: pengantar teks dan transliterasi. Jakarta: Fakultas Sastra, Universitas Indonesia.
- Syahriil Latif. 1978. *Silungkang, elegi untuk Nurhayati*. Jakarta: Puisi Indonesia.
- Umar Junus. 1979. Realitas dan mitos dalam 'Puti Bungsi'. *Budaya Jaya*, June (dimuat juga dalam *Mitos dan komunikasi*. 1982. Jakarta: Penerbit Sinar Harapan.
- _____. 1988. *A comparison between the Minangkabau and the Riau-Malay folktales, an ideological interpretation*. Singapura: Southeast Asian Studies.
- _____. 1989. *Catatan si Malin Kundang* dedit oleh Jaafar Rahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1994. Kaba: an unfinished (his)tory. *Tonan Ajiaa Kenkyu (Southeast Asian Studies)*, 32(3): 399-415.
- Wilford, John Noble. 2000. Greek myth: not necessarily mythical. *The New York Times*, 4 July.

Dr. Umar Junus
 20, Jalan SSI/41
 Petaling Jaya
 Malaysia
 e-mail: junus@pc.jaring.my